

12 DEC 2002

Chua-Perubatan/I

PAKEJ PERUBATAN BOLEH KURANGKAN KOS - CHUA JUI MENG

PETALING JAYA, 12 Dis (Bernama) -- Hospital-hospital swasta harus memperkenalkan pakej perubatan dalam usaha mengurangkan kos rawatan dan menggalakkan pelancongan perubatan, kata Menteri Kesihatan Datuk Chua Jui Meng hari ini.

Beliau berkata dengan mempakejkan kos rawatan perubatan, hospital-hospital swasta dapat menarik lebih banyak perniagaan dan pada masa yang sama membantu kerajaan memastikan kos penjagaan kesihatan terus rendah.

"Jika kita mahu menjadikan pelancongan perubatan satu kejayaan dan mengekalkan caj penjagaan kesihatan, hospital-hospital swasta harus mengambil inisiatif untuk memperkenalkan pakej-pakej sedemikian," katanya kepada pemberita di sini.

Terdahulu, beliau merasmikan "SMI One Stop Solution" (SMIOSS) 2003, iaitu persidangan dan pameran antarabangsa bagi industri kecil dan sederhana yang akan diadakan di Kuala Lumpur mulai 5 hingga 7 Jun tahun depan.

Chua mengulas kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam bahawa syarikat-syarikat insurans di negara ini mempunyai sebab untuk menaikkan premium kesihatan memandangkan kos kemasukan ke hospital dan rawatan telah meningkat.

Dr Mahathir, yang juga Menteri Kewangan, juga berkata rakyat harus menerima kenyataan bahawa mereka perlu menyumbang dalam mendapatkan rawatan di hospital-hospital yang dikendalikan kerajaan.

Chua berkata jika pakej perubatan diperkenalkan, hospital-hospital swasta juga dapat mengatasi masalah moral memandangkan caj-caj perubatan mereka akan menjadi lebih telus.

"Ini akan membolehkan pesakit-pesakit mengetahui apa sebenarnya yang mereka bayar, sama ada rawatan tertentu diperlukan atau sebaliknya. Mereka juga boleh mengetepikan 'bayaran perkhidmatan' kerana ini akan dimasukkan dalam pakej itu," katanya.

Beliau berkata satu lagi cara bagi memastikan kos rawatan tetap rendah ialah menerusi preskripsi ubat-ubatan lebih murah berbanding dengan membelanjakan wang ke atas ubat-ubatan mahal yang mempunyai kesan sama seperti ubat yang murah.

Menurutnya walaupun hospital-hospital swasta adalah entiti perniagaan yang mahu mencari keuntungan, ia juga harus mengutamakan manfaat bagi pesakit-pesakitnya.

Chua berkata walaupun insurans perubatan tidak termasuk dalam skop Kementerian Kesihatan, ia bersedia untuk membekalkan maklum balas kepada kerajaan terutamanya Kementerian Kewangan dalam merangkadasar-dasar yang berhubung insurans perubatan.

Beliau berkata Persatuan Hospital-hospital Swasta Malaysia juga bersedia untuk membantu kerajaan dalam perkara ini.

Mengenai SMIOSS 2003, Chua yang juga pengerusi Pusat Perundingan IKS Kebangsaan, berkata acara itu mensasarkan 15,000 pengunjung dan 250 pempamer.

Dianggap sebagai pameran penyelesaian IKS yang terbesar di rantau ini, SMIOSS 2003 dijangka menarik penyertaan dari 15 negara termasuk China.

Acara itu, yang akan diadakan di Pusat Dagangan Dunia Putra, akan mempamerkan penyelesaian yang inovatif dan kos efektif berhubung teknologi maklumat dan komunikasi, pengurusan, pemasaran dan penjenamaan, kewangan

dan hak harta intelektual.

-- BERNAMA

SR MAM NAK